



Kementerian Pendidikan Malaysia
Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang

2024

Jom Nak Lulus Sejarah

Revisi Pantas

Tingkatan

5

Disediakan oleh :

Cikgu Tina Barakbah



SENARAI SEMAK TOPIK FOKUS SPM 2024

BIL	TAJUK	SELESAI/ CATATAN
1	Konsep Kedaulatan	
2	Kepentingan Kedaulatan	
3	Langkah Mempertahankan Kedaulatan	
4	Latar Belakang Sejarah Perlembagaan	
5	Ciri Utama Perlembagaan Persekutuan	
6	Latar Belakang Pemerintahan Beraja dan Demokrasi Berparlimen	
7	Yang di-Pertuan Agong dan Raja Dalam Perlembagaan Persekutuan	
8	Amalan Demokrasi Dan Pengasingan Kuasa	
9	Keunikan Amalan Demokrasi Berparlimen Di Negara Kita	
10	Latar Belakang Sistem Persekutuan Di Negara Kita	
11	Kuasa Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri	
12	Kerjasama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri	
13	Faktor Yang Mengukuhkan Sistem Persekutuan	
14	Langkah Pembentukan Malaysia	
15	Perjanjian Julai 1963 & Pengisytiharan Malaysia	
16	Konfrontasi dan Usaha Menangani	
17	Cabaran Dalaman Malaysia	
18	Menangani Ancaman Komunis	
19	Isu Pembangunan dan Ekonomi Negara	
20	Latar Belakang Dasar Luar	
21	Asas Penggubalan Dasar Luar	
22	Malaysia Dalam Komanwel	
23	Cabaran Mengukuhkan Dasar Luar	
24	Malaysia Dalam ASEAN	
25	Malaysia Dalam NAM	
26	Malaysia Dalam OIC	
27	Malaysia Dalam Isu Global Kontemporari - AIDS	
28	Peranan Malaysia Dalam Hubungan Ekonomi Antarabangsa	
29	Pelibatan Rakyat Dalam Isu Kemanusiaan dan Keamanan	

BAB 1 – KEDAULATAN NEGARA

KONSEP KEDAULATAN

1. Apakah maksud kedaulatan?

BIL	ISI/FAKTA	HURAIAN/CONTOH
1	Kekuasaan tertinggi	Kewibawaan sesebuah negara yang bebas
2	Hak melaksanakan	pemerintahan dan pentadbiran negara
3	Kedaulatan negara	Sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka
4	Kemerdekaan TM 31 Ogos 1957	Mewujudkan negara berdaulat

2. Jelaskan jenis-jenis kedaulatan yang wujud dalam sesebuah negara.

BIL	ISI/FAKTA	HURAIAN/CONTOH
1	Kedaulatan tradisional	Terletak pada kekuasaan dan kewibawaan raja
		Sistem pemerintahan berkuasa mutlak
		Raja mempunyai kuasa tertinggi
2	Kedaulatan moden	Dikaitkan dengan idea kemunculan negara dan bangsa
		Hak rakyat dan kerajaan berperlembagaan Dikaitkan dengan unsur nasionalisme
3	Kedaulatan undang-undang	Kerajaan dan rakyat terikat oleh undang-undang yang perlu dipatuhi
		Menjamin keadilan dalam kehidupan bermasyarakat
		Badan kehakiman yang bebas dan berwibawa
4	Kedaulatan antarabangsa	Merujuk kepada pengiktirafan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)
		Tidak boleh dicabuli oleh negara lain
		Dunia mengiktiraf negara kita

KEPENTINGAN KEDAULATAN

3. Bincangkan kepentingan kedaulatan kepada sesebuah negara.

BIL	ISI/FAKTA	HURAIAN/CONTOH
1	Keberkesanan Pentadbiran	Pentadbiran tanpa campur tangan pihak luar
		Pentadbiran berkesan melalui Jemaah Menteri dan kementerian yang berkaitan
		Pengagihan kuasa antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri
		undang-undang dalam Perlembagaan Persekutuan.
2	Kemakmuran Ekonomi	Melaksanakan dasar kemakmuran ekonomi
		Meliputi bidang pertanian , perindustrian dan perdagangan
3	Kesejahteraan Sosial	Melaksanakan dasar sosial bagi kesejahteraan rakyat
		Melahirkan generasi berilmu dan berkemahiran melalui pendidikan
		Bahasa kebangsaan , kebudayaan, sukan dan Rukun Negara diperkenalkan untuk memupuk perasaan muhibah dan perpaduan
4	Kecemerlangan Hubungan Luar Negara	Menjalinkan hubungan dengan negara lain
		Penggubalan dasar luar negara, perjanjian dan kerjasama dalam pelbagai bidang
		Keanggotaan Malaysia dalam pertubuhan serantau dan antarabangsa

		Meningkatkan imej negara
		Pengiktirafan di peringkat antarabangsa

4. Huraikan/Jelaskan/Terangkan langkah-langkah pemerintah dan rakyat dalam mempertahankan negara berdaulat.

BIL	ISI/FAKTA	HURAIAN/CONTOH
1	Pemerintah	Pentadbiran yang cekap
		Mengelakkan rasuah
		Agihan sumber kekayaan secara adil
		Melaksanakan undang-undang negara
		Mewajibkan mata pelajaran Sejarah
		Kempen atau terbitkan rencana memupuk patriotisme
2	Rakyat	Pengiktirafan kepada rakyat Malaysia yang banyak berjasa
		Kesetiaan kepada raja dan negara
		Sokong segala dasar dan usaha kerajaan
		Memupuk kerjasama kaum supaya agihan kekayaan negara dinikmati semua
		Mematuhi undang-undang negara
		Hormat lambang negara seperti Jalur Gemilang
Sanjung dan hargai adat dan warisan negara		
Tingkatkan imej negara melakar kejayaan-pendidikan, sukan dan ekonomi		

HIMPUNAN SOALAN KBAT

1. Huraikan langkah-langkah yang boleh diambil dalam mempertahankan kedaulatan negara dan bangsa.

BIL	ISI/FAKTA	HURAIAN/CONTOH
1	Memperkukuhkan Pertahanan	Menambah bilangan anggota tentera dan kelengkapan ketenteraan
		Memantapkan latihan ketenteraan
		Penggunaan alatan perang yang terkini
		Seperti jet pejuang Sukhoi dan Sky Hawk kedaulatan negara kita dapat dipertahankan
2	Mengekalkan perpaduan kaum	Program dan kempen yang memupuk perpaduan kaum
3	Memupuk patriotisme	Subjek Sejarah dijadikan subjek teras
4	Mewujudkan kestabilan politik	Mengelakkan berlaku perebutan kuasa dalam kalangan pemimpin

2. Mengapakah sesebuah negara harus mengekalkan kedaulatan negara sendiri?

BIL	ISI/FAKTA	HURAIAN/CONTOH
1	Hak mentadbir	Dapat mentadbir negara sendiri
2	Hala tuju	Berhak menentukan hala tuju/ masa depan negara
3	Campur tangan	Tiada campur tangan kuasa asing
4	Corak Pentadbiran	Sistem pentadbiran negara bercorak Demokrasi Berparlimen
5	Raja Berperlembagaan	Raja berkuasa dalam bidang tertentu
		Contoh YDPA
6	Kemajuan	Negara akan bertambah maju dan harmoni
7	Imej negara	Negara akan dipandang tinggi oleh negara lain

3. Cabaran yang dihadapi oleh Malaysia bagi menjamin kedaulatan negara ialah ancaman anasir luar yang cemburu dengan kemakmuran negara kita. Berikan ulasan anda.

BIL	ISI/FAKTA	HURAIAN/CONTOH
1	Anasir luar	Merupakan satu ancaman kedaulatan negara
2	Pencerobohan sempadan	Menyebabkan kebanjiran pendatang asing tanpa izin
		Seperti PATI Indonesia dan Bangladesh
3	Kestabilan negara terjejas	Menjejaskan kestabilan politik, ekonomi dan sosial
4	Keselamatan tergugat	Menggugat keamanan dan keselamatan negara

4. Bagaimanakah cara untuk mengatasi aktiviti jenayah merentasi sempadan seperti pencerobohan perairan dan penyeludupan dadah?

BIL	ISI/FAKTA	HURAIAN/CONTOH
1	Perjanjian kerjasama	Menandatangani perjanjian dengan negara jiran
		Seperti Perjanjian Sempadan Malaysia-Thailand
2	Kem atau markas tentera	Membina kem tentera di sempadan
		Seperti di Bukit Kayu Hitam dan Padang Besar
3	Kawalan sempadan	Kawalan ketat di sempadan kedua-dua negara
4	Berkongsi maklumat	Maklumat tentang pencerobohan dilapor kepada pihak berkuasa
5	Penguatkuasaan undang-undang	Mengenakan hukuman setimpal kepada penceroboh

5. Cadangkan langkah-langkah untuk mengukuhkan semangat patriotisme dalam kalangan rakyat di negara ini.

BIL	ISI/FAKTA	HURAIAN/CONTOH
1	Menghormati lambang negara	Seperti Jalur Gemilang dan Jata negara Menyanjung dan menjaga lambang negara
2	Hari Kemerdekaan	Meraikan Sambutan Kemerdekaan dan Hari Malaysia
3	Tokoh-tokoh terdahulu	Menghargai jasa tokoh terdahulu kepada negara Seperti Tunku Abdul Rahman
4	Mempelajari Sejarah	Mengetahui asal-usul bangsa dan negara Mengelakkan peristiwa lalu daripada berulang Peristiwa Sejarah menjadi iktibar kepada masyarakat dan negara Memperkukuhkan semangat patriotisme dalam diri

6. Mengapakah sebagai rakyat Malaysia kita perlu memahami konsep pemerintahan Sistem Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan?

BIL	ISI/FAKTA	HURAIAN/CONTOH
1	Kebebasan	Rakyat mengetahui had kebebasan mengikut perlembagaan Iaitu kebebasan asasi , pendidikan dan berhimpun
2	Kedudukan raja	YDPA sebagai Ketua Utama Negara Rakyat tidak mempersoalkan kedudukan Raja-raja dan hak orang Melayu
3	Pilihan Raya	Rakyat mempunyai hak dan tanggungjawab memilih kerajaan melalui pilihan raya Dikendalikan oleh Suruhanyaja Pilihan Raya (SPR) Pelaksanaan secara adil dan telus

7. Pada pandangan anda mengapakah institusi beraja di negara ini perlu dipertahankan?

BIL	ISI/FAKTA	HURAIAN/CONTOH
1	Kestabilan negara	Pentadbiran yang sistematik dan stabil
2	Raja Berperlembagaan	YDPA sebagai ketua utama negara Sultan ketua negeri
3	Taat setia	Rakyat patuh arahan raja sebagai pemerintah
4	keamanan	Mewujudkan negara yang aman dan harmoni
5	Imej negara	Negara akan dipandang tinggi oleh negara lain

8. Apakah impak yang akan berlaku sekiranya negara kita tidak mempunyai kedaulatan?

BIL	ISI/FAKTA	HURAIAN/CONTOH
1	Ketidakstabilan politik	Keadaan huru-hara dalam negara Perebutan kuasa dalam kalangan pemimpin Negara mudah dijajah
2	Pembangunan terjejas	Ekonomi merosot Kadar pengangguran meningkat Berlaku inflasi
3	Perpaduan tergugat	Berlaku pertelingkahan antara kaum Isu-isu sensitif dibangkitkan Seperti agama Islam dan Bahasa Melayu

BAB 2 – PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

LATAR BELAKANG SEJARAH PERLEMBAGAAN

1. Apakah maksud Perlembagaan?

BIL	ISI/FAKTA	HURAIAN/CONTOH
1	Undang-undang tertinggi	Teras pemerintahan sesebuah negara Unsur penting dalam sesebuah negara

2. Apakah yang menjadi asas kepada pembentukan perlembagaan di negara kita?

BIL	ISI/FAKTA	HURAIAN/CONTOH
1	Undang-Undang Negeri Melayu	Raja menjadi pemerintah
		Rakyat memberi taat setia
		Sistem pemerintahan dan undang-undang ditentukan oleh raja
		Contohnya Hukum Kanun Melaka
2	Undang-Undang Inggeris	British perkenalkan undang-undang di Negeri-Negeri Selat
		Dikenali Charter of Justice
		Diambil daripada undang-undang di England
		Piagam terpilih yang sesuai dengan kegunaan Negeri-Negeri Selat

CIRI UTAMA PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

3. Terangkan/ Jelaskan/ Huraikan ciri tradisional Perlembagaan Persekutuan.

BIL	ISI/FAKTA	HURAIAN/CONTOH
1	Kesultanan/Pemerintahan Beraja	Negeri Melayu amalkan pemerintahan beraja
		Sultan pemerintah berdaulat dan berkuasa penuh
		Selepas merdeka YDPA ketua utama negara
		YDPA melantik jawatan utama negara
2	Agama Islam	Peruntukan berkaitan agama Islam
		Selepas merdeka, agama Islam di bawah kuasa raja
		Wilayah Persekutuan dan negeri tidak beraja , kuasa ini terletak di bawah YDPA
3	Bahasa Melayu	Zaman KMM, bahasa Melayu sebagai lingua franca
		Kini Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan
4	Kedudukan Orang Melayu dan Bumiputera	Sebelum merdeka-kedudukan orang Melayu dan bumiputera di bawah kuasa raja dan ketua pribumi
		Selepas merdeka-YDPA bertanggungjawab memelihara kedudukan istimewa orang Melayu & bumiputera Sabah dan Sarawak

4. Terangkan/ Jelaskan/ Huraikan ciri moden Perlembagaan Persekutuan.

BIL	ISI/FAKTA	HURAIAN/CONTOH
1	Kerajaan Persekutuan	Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri berkuasa dalam bidang tertentu
		Pembentukan Malaysia menyebabkan Sabah dan Sarawak diberi beberapa kuasa autonomi
2	Sistem Demokrasi Berparlimen	Asas demokrasi ialah pilihan raya umum 1955
		Memilih wakil pemimpin untuk menubuhkan kerajaan
		Pilihan raya Persekutuan membentuk Kerajaan Persekutuan
		Pilihan raya negeri membentuk Kerajaan Negeri
3	Kewarganegaraan	Kewarganegaraan Persekutuan diperkenal dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948
		Rakyat Raja dan Rakyat British yang lahir di Pulau Pinang dan Melaka
		Kemerdekaan dan pembentukan Malaysia melahirkan taraf kewarganegaraan yang sama kepada rakyatnya

HIMPUNAN SOALAN KBAT

1. Nilai/ Bincangkan/ Jelaskan/ Huraikan/ Terangkan kepentingan mendaulatkan perlembagaan negara.

BIL	ISI/FAKTA	HURAIAN/CONTOH
1	Mengekalkan kemerdekaan	Tiada campur tangan kuasa asing
2	Pentadbiran mengikut acuan sendiri	Menentukan hala tuju negara Contoh Sistem Demokrasi Berparlimen
3	Mewujudkan keamanan	Masalah jenayah dapat dikurangkan
4	Kestabilan politik	Pentadbiran yang sistematik
5	Tidak menyentuh isu-isu sensitif	Seperti agama Islam, Bahasa Melayu

2. Jelaskan fungsi/ Bincangkan kepentingan/ Mengapakah undang-undang penting dalam sesebuah negara.

BIL	ISI/FAKTA	HURAIAN/CONTOH
1	Mewujudkan keamanan	Masalah jenayah dapat dikurangkan
2	Kestabilan politik	Pentadbiran yang sistematik
3	Memperkuhkan pertahanan	Negara bebas ancaman kuasa luar
4	Meningkatkan imej negara	Negara luar menghormati negara kita
5	Mengukuhkan perpaduan	Rakyat hidup bersatu padu dan harmoni

3. Huraikan peranan rakyat dalam memelihara Perlembagaan Persekutuan.

BIL	ISI/FAKTA	HURAIAN/CONTOH
1	Tidak membelakangkan Perlembagaan	Mematuhi kandungan Perlembagaan
2	Menghayati Perlembagaan	Menambah ilmu berkaitan Perlembagaan Lebih memahami isi kandungan Perlembagaan Contoh mempelajari Sejarah di Sekolah Menengah dan Universiti Perlembagaan dihormati oleh segenap lapisan
3	Mempertahankan negara	Daripada ancaman kuasa asing Tidak mudah terpengaruh dengan kuasa asing

4. Apakah impak jika sesebuah negara tidak mempunyai perlembagaan yang sistematik?

BIL	ISI/FAKTA	HURAIAN/CONTOH
1	Pentadbiran kucar-kacir	Negara terdedah kepada ancaman luar Suasana huru-hara Seperti tunjuk perasaan
2	Kedaulatan negara terancam	Keselamatan negara terganggu
3	Perpaduan yang rapuh	Rakyat pelbagai kaum tidak bekerjasama Wujud persengketaan Kedaulatan negara terjejas

5. Jelaskan cabaran dihadapi oleh negara untuk mewujudkan golongan masyarakat yang mematuhi sistem perundangan negara.

BIL	ISI/FAKTA	HURAIAN/CONTOH
1	Perbezaan latar belakang	Masyarakat terdiri daripada pelbagai kaum Seperti Melayu, Cina dan India
2	Perbezaan fahaman politik	Seperti UMNO, MCA, MIC dan DAP
3	Kemajuan dunia siber	Cabaran kepada penguatkuasa undang-undang
5	Rasuah dan penyelewengan	Membolehkan seseorang melepaskan diri daripada tindakan undang-undang

6. Huraikan/Jelaskan kepentingan Perlembagaan Persekutuan kepada pembinaan negara dan bangsa.

BIL	ISI/FAKTA	HURAIAN/CONTOH
1	Pembinaan negara bangsa	Satu langkah pembinaan negara bangsa yang kukuh
2	Ciri tradisional dan moden	Digabungkan untuk membentuk identiti negara dan bangsa
3	Pembentukan kerajaan	Demokrasi Berparlimen dengan konsep Raja Berperlembagaan
4	Pakatan Murni	Memperlihatkan persetujuan semua kaum
5	Perpaduan kaum	Melayu, Cina dan India
6	Identiti masyarakat	Setiap kaum melahirkan identiti masyarakat masing-masing

7. Berdasarkan pengetahuan anda, apakah langkah yang boleh diambil untuk meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan perlembagaan negara?

BIL	ISI/FAKTA	HURAIAN/CONTOH
1	Kempen kesedaran	Rakyat mengambil berat tentang pematuhan Perlembagaan
2	Sesi dialog	Memahami isi kandungan Perlembagaan
3	Hukuman setimpal	Mengenakan hukuman kepada sesiapa yang tidak mematuhi perlembagaan Seperti denda dan penjara
4	Hebahan di media sosial	Seperti telegram, whatsapp dll

8. Cadangkan langkah-langkah bagi menunjukkan penghargaan terhadap sistem perundangan di negara ini.

BIL	ISI/FAKTA	HURAIAN/CONTOH
1	Pematuhan perlembagaan	Mematuhi sepenuh hati
2	isu-isu sensitif	Tidak dibincangkan secara terbuka Seperti kedudukan istimewa orang Melayu
3	Memahami dan menghayati perlembagaan	Rasa bangga terhadap undang-undang negara
4	Memperkukuhkan perpaduan	Kerjasama erat antara pelbagai kaum
5	Berfikiran terbuka	Mengamalkan sikap bertolak ansur

9. Huraikan sebab kita perlu menghormati perlembagaan negara.

BIL	ISI/FAKTA	HURAIAN/CONTOH
1	Panduan pemerintah	Mewujudkan pentadbiran yang sistematik
2	Warganegara berdisiplin	Menghormati perlembagaan
		Mengelakkan perbuatan salah laku Menjamin taat setia rakyat
3	Mengukuhkan semangat patriotisme	Menjamin kerjasama dan kesepakatan
4	Elakkan perebutan kuasa	Mengelakkan pertelingkahan dan pergaduhan

10. Perlembagaan menjamin kestabilan politik serta keharmonian rakyat di negara ini. Utlaskan pernyataan tersebut.

BIL	ISI/FAKTA	HURAIAN/CONTOH
1	Bentuk pemerintahan negara	Menjamin kelicinan pentadbiran
2	Panduan kepada pemimpin	Asas rujukan dalam pemerintahan
		pemerintahan selaras dengan peruntukan perlembagaan
3	Taat setia rakyat	Rakyat memeberi taat setia tidak berbelah bahagi
4	Melindungi hak asasi rakyat	Tidak menyentuh isu-isu sensitif kaum lain

11. “Semua orang adalah sama di sisi undang-undang dan berhak mendapat perlindungan yang sama rata di sisi undang-undang”.
Mengapakah hak kesamarataan ini perlu dipatuhi dan dihormati oleh rakyat negara kita?

BIL	ISI/FAKTA	HURAIAN/CONTOH
1	Mengelakkan berlaku diskriminasi	Mengelakkan berlaku ketidakadilan
2	Menegakkan hak asasi	Hak setiap individu sebagai warganegara
3	Memperkukuhkan perpaduan	Mengekalkan keharmonian dalam masyarakat
4	Pentadbiran yang sistematik	Mengukuhkan kestabilan politik

BAB 3 – RAJA BERPERLEMBAGAAN DAN DEMOKRASI BERPARLIMEN

LATAR BELAKANG PEMERINTAHAN BERAJA DAN DEMOKRASI BERPARLIMEN

1. Terangkan/ Jelaskan/ Huraikan latar belakang pemerintahan beraja di Malaysia.

BIL	ISI/FAKTA	HURAIAN/CONTOH
1	Pemerintahan beraja	Bermula pada zaman Kesultanan Melayu Melaka .
2	Berkuasa mutlak	Raja mempunyai kewibawaan dan berkuasa penuh
3	Kuasa pemerintahan	Termasuk kuasa pentadbiran , perundangan dan kehakiman
4	Undang-undang	Hukum Kanun Melaka dan Undang-Undang Laut Melaka Membuktikan kehidupan bernegara dan ciri sistem berperlembagaan
5	Konsep Islam	Raja sebagai ketua agama Islam Bertanggungjawab mempertahankan adat dan struktur dalam masyarakat Melayu

2. Terangkan/ Jelaskan/ Huraikan latar belakang pemerintahan beraja di Tanah Melayu sebelum perang dunia kedua.

BIL	ISI/FAKTA	HURAIAN/CONTOH
1	Pemerintahan beraja menjadi Penghalang British	Melakukan penjajahan di negeri Melayu
2	Sistem Residen	Diperkenalkan di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu
3	Sistem Penasihat	Diperkenalkan di Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu
4	Campur tangan British	Raja-raja Melayu memerintah dengan campur tangan British dalam pentadbiran tempatan
5	Negeri-negeri Melayu Bersekutu	British hanya mengambil alih pentadbiran pada peringkat pembesar negeri Raja-raja Melayu kekal sebagai pemerintah berdaulat
6	Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu	Kedudukan raja yang memerintah adalah lebih kukuh Menempatkan Penasihat British Pentadbiran negeri tetap dilaksanakan oleh pembesar yang dilantik oleh raja

3. Terangkan/ Jelaskan/ Huraikan latar belakang pemerintahan beraja di Tanah Melayu semasa pendudukan Jepun.

BIL	ISI/FAKTA	HURAIAN/CONTOH
1	Raja-raja Melayu diiktiraf	Ketua dalam hal ehwal agama Islam Diisytiharkan semasa persidangan Raja-raja Tanah Melayu dan Sumatera dengan pemerintah tentera Jepun di Singapura
2	Memperoleh pendapatan	Seperti sebelum Perang Dunia Kedua
3	Kedudukan Raja-raja Melayu	Di bawah pengawasan Gabenor Jepun di Tanah Melayu

4. Terangkan/ Jelaskan/ Huraikan latar belakang pemerintahan beraja di Tanah Melayu selepas perang dunia kedua.

BIL	ISI/FAKTA	HURAIAN/CONTOH
1	Raja-raja Melayu kehilangan kuasa	Sebagai pemerintah negeri Kuasa pemerintahan diambil oleh Raja England setelah pengenalan MU
2	Gabenor British	Memerintah Malayan Union secara langsung
3	Raja-raja Melayu menentang MU	Penentangan disokong oleh orang Melayu
4	British menggantikan MU dengan PTM 1948	Undang-undang Tubuh digubal oleh Raja-raja Melayu bagi negeri masing-masing
		Diguna pakai sehingga hari ini
		Mengangkat Raja-raja Melayu sebagai raja Berperlembagaan

5. Terangkan/ Jelaskan/ Huraikan sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen.

BIL	ISI/FAKTA	HURAIAN/CONTOH
1	Kemerdekaan Tanah Melayu 1957	Melalui rundingan dan persetujuan Raja-raja Melayu
2	Perlembagaan Persekutuan	Beberapa pindaan dibuat supaya sesuai dengan konsep demokrasi
3	Mengiktiraf raja	Sebagai pemerintah tertinggi negara
4	Hak rakyat	Memilih wakil mereka melalui pilihan raya untuk membentuk kerajaan

SEJARAH DAN KEDUDUKAN INSTITUSI RAJA-RAJA

6. Galurkan/Jelaskan/Huraikan/Kronologikan sejarah dan kedudukan institusi raja-raja.

BIL	ISI/FAKTA	HURAIAN/CONTOH
1	Majlis Raja-Raja	Bermula dengan pembentukan Durbar
		Mempunyai kedudukan dan peranan dalam pemerintahan negara
2	Durbar	Sebahagian daripada institusi Raja Berperlembagaan
		Bermaksud perjumpaan atau persidangan umum yang diadakan oleh Raja Melayu dengan British
		Dipengerusikan oleh Pesuruhjaya Tinggi British
		Raja-raja Melayu - Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang
		Bertujuan untuk membincangkan hal ehwal pentadbiran Kerajaan Persekutuan dengan pihak British

7. Terangkan / Jelaskan/ Huraikan peranan Majlis Raja-Raja Selepas Merdeka.

BIL	ISI/FAKTA	HURAIAN/CONTOH
1	Majlis Raja-Raja dikekalkan	Keanggotaannya mengalami perubahan
2	Yang di-Pertuan Negeri	Pulau Pinang dan Melaka turut menjadi ahli Majlis Raja-Raja
3	Persekutuan Malaysia 1963	Yang di-Pertuan Negeri Sarawak dan Sabah turut menjadi ahli Majlis Raja-Raja
4	Mesyuarat Khas	Yang di-Pertuan Negeri tidak turut serta dalam mesyuarat khas
		Seperti pemilihan Yang di-Pertuan Agong dan Timbalan Yang di-Pertuan Agong

8. Nyatakan peranan Majlis Raja-Raja Melayu.

BIL	ISI/FAKTA
1	Memilih Yang di-Pertuan Agong dan Timbalan Yang di-Pertuan Agong
2	Bersetuju atau tidak bersetuju sebarang undang-undang
3	Memberikan nasihat berkaitan dengan pelantikan jawatan tertentu
4	Menjadi rujukan berkaitan kedudukan istimewa orang Melayu
5	Memberikan nasihat berkaitan dengan pelantikan jawatan tertentu
6	Lembaga Pengampunan bagi kes-kes tertentu
7	Memperkenankan perubahan persempadanan negeri
8	Memperkenankan pindaan perlembagaan bagi perkara-perkara tertentu

9. Jelaskan kuasa budi bicara raja dalam sistem Raja Berperlembagaan di negara kita.

BIL	ISI/FAKTA
1	Boleh dilaksanakan oleh raja tanpa mendengar atau menurut nasihat ketua kerajaan dalam perkara tertentu
2	Kuasa YDPA dalam pelantikan Perdana Menteri
3	Kuasa YDPA tidak memperkenankan permintaan membubarkan Parlimen
4	Kuasa Raja dan Yang di-Pertua Negeri melantik Menteri Besar dan Ketua Menteri
5	Kuasa Raja dan Yang di-Pertua Negeri tidak memperkenankan pembubaran DUN

YANG DI-PERTUAN AGONG DAN RAJA DALAM PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

10. Terangkan/Jelaskan/Huraikan peranan dan kuasa Yang di-Pertuan Agong dalam pemerintahan di negara kita.

BIL	ISI/FAKTA	HURAIAN/CONTOH
1	Kuasa Eksekutif	Melantik Perdana Menteri
		Melantik Jemaah Menteri / Timbalan-timbalan Menteri
		Melantik jawatan penting
		Melantik Peguam Negara / Ketua Audit Negara
		Melantik ahli SPR / Suruhanjaya Polis
		Pemerintah tertinggi Angkatan Tentera Malaysia
		Melantik diplomat / duta ke luar negara
		Menerima menghadap diplomat asing
2	Kuasa Perundangan	Memperkenankan Rang undang-undang
		Memanggil Parlimen bersidang
		Memberhentikan dan membubarkan Parlimen
		Ketua agama Islam negerinya dan negeri yang tiada Sultan
		Mengisytihar darurat
		Melindungi kedudukan istimewa orang Melayu , bumiputera Sabah dan Sarawak
		Melindungi kepentingan sah kaum lain
3	Kuasa Kehakiman	Melantik hakim Mahkamah Atasan
		Melantik Ketua Hakim Negara
		Baginda bertindak atas nasihat Lembaga Pengampunan
		Baginda berkuasa mengampunkan
		Menangguh atau meringankan hukuman yang dijatuhkan oleh Mahkamah Tentera / Mahkamah Syariah

KEBEBASAN ASASI BERDASARKAN PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

11. Jelaskan ciri-ciri kebebasan asasi berdasarkan Perlembagaan Persekutuan.

BIL	ISI/FAKTA	HURAIAN/CONTOH
1	Kebebasan diri	Tiada seseorang pun boleh diambil nyawanya atau dilucutkan kebebasan dirinya
2	Kebebasan beragama	Islam ialah agama Persekutuan dan agama lain boleh diamalkan
3	Hak berkenaan Pendidikan	Tiada diskriminasi terhadap warganegara atas alasan agama, ras, keturunan atau tempat lahir
4	Kebebasan bersuara , berhimpun dan bersatu	kebebasan bersuara , berhimpun secara aman dan membentuk persatuan

PENGASINGAN KUASA DAN PEMERINTAHAN

12. Konsep pengasingan kuasa telah diamalkan dalam pemerintahan di negara kita. Bincangkan tiga badan yang wujud dalam kuasa pemerintahan di negara kita.

BIL	ISI/FAKTA	HURAIAN/CONTOH
1	Badan Perundangan	Berfungsi untuk menggubal undang-undang
		Peringkat Persekutuan ialah Parlimen
		Parlimen terdiri daripada YDPA , Dewan Negara dan Dewan Rakyat
2	Badan Eksekutif	Melaksanakan pemerintahan mengikut Perlembagaan Persekutuan
		Peringkat Persekutuan ialah Jemaah Menteri
		Bertugas untuk menggubal dasar negara dan melaksanakan pembangunan
3	Badan Kehakiman	Berfungsi untuk mentafsir dan melaksanakan undang-undang
		Diketuai oleh Ketua Hakim Negara
		Kuasa kehakiman dilaksanakan melalui mahkamah

13. Terangkan/ Jelaskan/ Huraikan fungsi badan perundangan di Malaysia.

BIL	ISI/FAKTA	HURAIAN/CONTOH
1	Parlimen	Badan perundangan tertinggi di Malaysia
		Parlimen terdiri daripada 3 komponen
		iaitu Yang di-Pertuan Agong , Dewan Negara dan Dewan Rakyat
		Menggubal undang-undang
		Meminda undang-undang
2	Lambang demokrasi	Mencerminkan aspirasi rakyat melalui wakil yang dipilih
3	Yang di-Pertuan Agong	Salah satu komponen dalam badan perundangan
4	Dewan Negara atau Dewan Senat	Dewan tertinggi dalam sistem perundangan negara
		Membahaskan rang undang-undang yang diluluskan oleh Dewan Rakyat
5	Dewan Rakyat atau Perwakilan	Ahlinya dipilih oleh rakyat melalui pilihan raya

14. Terangkan/ Jelaskan/ Huraikan fungsi Jemaah Menteri (Kabinet) di Malaysia.

BIL	ISI/FAKTA	HURAIAN/CONTOH
1	Jemaah Menteri	Terdiri daripada Perdana Menteri dan Menteri
		Diketuai oleh Perdana Menteri
2	Tugas utama Jemaah Menteri	Menggubal dasar negara dan melaksanakan pembangunan
		Berpegang pada prinsip tanggungjawab bersama secara kolektif kepada parlimen
3	Menteri	Mengetuai kementerian melaksanakan dasar yang diputuskan oleh Jemaah Menteri
		Mempertahankan keputusan yang dibuat oleh Jemaah Menteri
		Menteri hendaklah meletakkan jawatan jika tidak bersetuju dengan dasar kerajaan

15. Terangkan/ Jelaskan/ Huraikan fungsi Badan Kehakiman.

BIL	ISI/FAKTA	HURAIAN/CONTOH
1	Badan kehakiman	Diketuai oleh Ketua Hakim Negara
2	Kuasa badan kehakiman	Dilaksanakan oleh mahkamah
		Memastikan sistem kehakiman dan keadilan ditegakkan
		Mengadili pertikaian antara pemerintah dengan rakyat
3	Status mahkamah	Menyelesaikan konflik Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan
4	Mahkamah pada peringkat negeri	Terdiri daripada Mahkamah Atasan dan Mahkamah Bawahan serta Mahkamah Khas
		Mahkamah Syariah serta Mahkamah Anak Negeri di Sarawak dan Sabah

KEUNIKAN AMALAN DEMOKRASI BERPARLIMEN DI NEGARA KITA

16. Terangkan/ Jelaskan/ Huraikan keunikan amalan demokrasi berparlimen di negara kita.

BIL	ISI/FAKTA	HURAIAN/CONTOH
1	Gabungan unsur tradisional dan moden	Unsur tradisional terletak pada kedudukan raja
		Sebagai warisan sosiopolitik masyarakat Melayu
		Unsur moden ialah Demokrasi Berparlimen
		Berdasarkan model Westminster England
2	Wujud mekanisme Semak dan imbang dalam pentadbiran	Pemerintahan beraja berkecuali dalam hal politik, ekonomi dan dasar negara
		Meredakan konflik yang berlaku dalam demokrasi
		Seperti pertikaian parti politik yang pelbagai ideologi dan perselisihan antara kaum
		Melalui pengasingan kuasa
		laitu Badan perundangan , eksekutif dan kehakiman
		Badan perundangan berperanan menggubal undang-undang
		Undang-undang akan dilaksanakan oleh badan eksekutif
		Jika timbul konflik dan kekeliruan, penyelesaian dibuat melalui badan kehakiman
3	Kuasa budi bicara raja	Kuasa yang boleh dilaksanakan oleh raja tanpa mendengar atau mengikut nasihat ketua kerajaan
		Dalam soal pelantikan Perdana Menteri
		Raja dan Yang di-Pertua Negeri melantik Menteri Besar dan Ketua Menteri
		YDPA berkuasa tidak memperkenankan pembubaran Parlimen
		Raja dan Yang di-Pertua Negeri berkuasa tidak memperkenankan pembubaran DUN

HIMPUNAN SOALAN KBAT

1. Bincangkan/ Ulaskan/ Syorkan tindakan yang boleh diambil terhadap individu yang tidak setia kepada pemerintah.

BIL	ISI/FAKTA	HURAIAN/CONTOH
1	Tindakan undang-undang	Hukuman penjara atau denda
2	Proses kehakiman	Menjatuhkan hukuman buang kerakyatan Contoh Akta ISA/SOSMA
3	Pengajaran kepada rakyat	Setia kepada pemerintah

2. Mengapakah raja perlu menjalin hubungan yang baik dengan rakyat? Berikan pandangan anda.

BIL	ISI/FAKTA	HURAIAN/CONTOH
1	Kestabilan politik	Melicinkan pentadbiran negara
2	Taat setia rakyat kepada pemerintah	Seperti tidak menderhaka kepada raja
3	Hormat-menghormati	Wujud perasaan hormat-menghormati antara rakyat dengan pemerintah
4	Keamanan terjamin	Negara bebas daripada campur tangan kuasa luar

3. Bagaimanakah kewujudan jawatan Yang di-Pertuan Agong memberi impak kepada pembentukan negara Malaysia?

BIL	ISI/FAKTA	HURAIAN/CONTOH
1	Keharmonian dalam masyarakat	Rakyat patuh dan taat pada YDPA
2	Kecemerlangan negara	Pencapaian negara dalam pelbagai bidang Seperti ekonomi , politik dan sosial
3	Imej negara meningkat	Negara luar memandang tinggi negara kita Peranan YDPA menjamin kedaulatan negara

4. Tanggal 30 Julai 2019 istiadat pertabalan Yang di-Pertuan Agong telah disiarkan secara langsung di kaca televisyen. Bagaimanakah penyiaran istiadat pertabalan dapat memupuk semangat patriotisme dalam kalangan rakyat Malaysia?

BIL	ISI/FAKTA	HURAIAN/CONTOH
1	Kronologi istiadat pertabalan	Mengetahui pelbagai maklumat tentang YDPA
2	Mengenali lebih dekat YDPA	Menghormati YDPA Mengikut saranan YDPA Tidak menderhaka kepada YDPA Tidak menghina YDPA dan institusi beraja
3	Identiti negara	Lambang negara yang perlu dihormati
4	Berbangga dengan warisan negara	Warisan yang perlu dijaga untuk menguatkan kedaulatan negara

5. Semua pihak perlu menghormati institusi beraja di negara ini. Bagaimanakah ia boleh dilaksanakan?

Sebagai rakyat Malaysia yang berjiwa patriotik, bagaimanakah cara untuk mengukuhkan pemerintahan beraja pada masa kini?

BIL	ISI/FAKTA	HURAIAN/CONTOH
1	Meraikan sambutan ulang tahun kelahiran raja	Seperti Hari Keputeraan DYMM YDPA
2	Mematuhi saranan institusi raja	Mematuhi peraturan yang telah ditetapkan
3	Mengekalkan perpaduan kaum	Menjalin kerjasama yang baik dalam pelbagai bidang
4	Menghormati institusi beraja	Memberi taat setia kepada raja tidak berbelah bahagi
5	Manamakan premis/ jalan utama dengan nama raja	Sebagai simbol perpaduan negara

6. Apakah tindakan yang boleh diambil untuk mengekalkan sistem Demokrasi Berparlimen di negara ini?

BIL	ISI/FAKTA	HURAIAN/CONTOH
1	Menghormati sistem perundangan negara	Patuh kepada Perlembagaan Mewujudkan keamanan dan keharmonian
2	Mengadakan pilihan raya	Memilih wakil untuk membentuk kerajaan Menunaikan tanggungjawab sebagai pengundi
3	Mempertahankan Kestabilan politik	Pemerintahan yang teratur dan sistematik
4	Berwaspada dengan kuasa asing	Menolak campur tangan kuasa asing

7. Cadangkan langkah-langkah untuk rakyat memelihara kebebasan asasi bagi menjamin ketenteraman dan kesejahteraan awam.

BIL	ISI/FAKTA	HURAIAN/CONTOH
1	Bertindak mengikut undang-undang	Kebebasan yang diperuntukkan tidak bersifat mutlak
2	Prinsip kebebasan asasi sebagai panduan hidup	Menyedari batasan-batasan kebebasan yang perlu dipatuhi
3	Menghormati pandangan orang lain	toleransi antara satu sama lain
4	Mengelakkan perbalahan	Masyarakat perlu menjalin hubungan yang baik sesama mereka
5	Mengelakkan isu sensitif dipersoalkan	Seperti agama Islam, kedudukan istimewa orang Melayu

8. Pengasingan kuasa perlu dipertahankan dalam pemerintahan negara kita. Berikan ulasan anda.

BIL	ISI/FAKTA	HURAIAN/CONTOH
1	Konsep semak dan imbang	Kuasa pemerintahan tidak dikuasai oleh seseorang/ sesebuah institusi Pemerintahan yang adil
2	Mengelakkan pertindihan kuasa	Pihak yang sama tidak terlibat dalam pengurusan lebih dari satu kuasa Misalnya Badan Eksekutif tidak boleh mencampuri bidang kuasa Badan Perundangan
3	Mengelakkan penyalahgunaan kuasa	Akibat pemusatan kuasa pada sesebuah badan tertentu
4	Memudahkan urusan pentadbiran	Menjalankan tanggungjawab masing-masing tanpa dipengaruhi oleh badan-badan lain

9. Bagaimanakah isu penghinaan terhadap institusi beraja dapat diatasi?

BIL	ISI/FAKTA	HURAIAN/CONTOH
1	Menguatkuasakan undang-undang	Seperti Akta Hasutan 1948
2	Mengenakan hukuman berat	Melaksanakan tindakan buang daerah/ penjara
3	Menangani kesalahan di media sosial	Mencetuskan penghinaan/ hasutan terhadap institusi beraja
4	Menguasai prinsip Rukun Negara	Kesetiaan kepada raja dan negara

10. Rakyat Malaysia sewajarnya menghargai peranan Majlis Raja-Raja dalam memakmurkan negara. Cadangkan usaha tersebut.

BIL	ISI/FAKTA	HURAIAN/CONTOH
1	Sukatan pelajaran	Menyerapkan tentang institusi beraja sejak di bangku sekolah
2	Pameran berkaitan institusi beraja	Di peringkat sekolah/ institusi pengajian
3	Internet	Meneroka maklumat menggunakan alam maya
4	Galeri di muzium	Membuka galeri diraja

11. Mengapakah hak kebebasan asasi manusia perlu ada batasan dan kawalan? Berikan penjelasan anda.

BIL	ISI/FAKTA	HURAIAN/CONTOH
1	Mengukuhkan ketenteraman negara	Kesejahteraan rakyat terjamin
2	Mengawal tingkah laku manusia	Mengelakkan isu-isu sensitif dipersoalkan
3	Mempertahankan kestabilan politik	Mengelakkan rusuhan kaum
4	Mengawal unsur sabotaj terhadap kerajaan	Mengekalkan kedaulatan negara

BAB 4 – SISTEM PERSEKUTUAN

LATAR BELAKANG SISTEM PERSEKUTUAN DI NEGARA KITA

1. Terangkan/ Jelaskan/ Huraikan latar belakang sistem Persekutuan di Malaysia.

BIL	ISI/FAKTA	HURAIAN/CONTOH
1	Empat buah negeri Melayu disatukan	Persekutuan 1896 juga dikenali sebagai Negeri-Negeri Melayu Bersekutu(NNMB)
2	Tiada agihan kuasa dan fungsi khusus	Keputusan pentadbiran dibuat oleh Residen Jeneral di Kuala Lumpur (pusat pentadbiran NNMB)
3	Majlis distruktur semula tahun 1927	Memperkemas tadbir urus Persekutuan dan mengukuhkan kedudukan British di Negeri Melayu
4	British menyatukan pentadbiran	Semua negeri Melayu , Pulau Pinang dan Melaka disatukan
5	Kerajaan berbentuk kesatuan 1946	Dikenali Malayan Union
		Konsep kesatuan membayangkan pembentukan sebuah kerajaan pusat yang kuat di bawah kuasa Gabenor British

KUASA KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN KERAJAAN NEGERI

2. Terangkan/ Jelaskan/ Huraikan bidang kuasa Kerajaan Persekutuan.

BIL	ISI/FAKTA	HURAIAN/CONTOH
1	Parlimen menggubal undang-undang	Bagi seluruh Malaysia
2	Kuasa pemerintahan	Perkara yang termaktub dalam perlembagaan Persekutuan sebagai Senarai Persekutuan
3	Kuasa Kerajaan Persekutuan	Meliputi kepentingan nasional
		merangkumi semua perkhidmatan berhubung pentadbiran negara
		Contohnya pertahanan dan pelajaran

3. Terangkan/ Jelaskan/ Huraikan bidang kuasa Kerajaan Negeri.

BIL	ISI/FAKTA	HURAIAN/CONTOH
1	Dewan Undangan Negeri (DUN)	Berkuasa menggubal undang-undang bagi negerinya
2	Termaktub dalam perlembagaan Persekutuan	Sebagai Senarai Negeri
		Contoh undang-undang Islam dan Tanah

4. Terangkan/ Jelaskan/ Huraikan senarai bersama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

BIL	ISI/FAKTA	HURAIAN/CONTOH
1	Parlimen dan DUN	Menggubal undang-undang untuk perkara yang sama
2	Jika terdapat percanggahan	Undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen harus dipatuhi
		Contohnya kebajikan awam dan biasiswa

5. Apakah bidang kuasa Kerajaan Tempatan?

BIL	ISI/FAKTA	HURAIAN/CONTOH
1	Kerajaan peringkat ketiga	Berkuasa mentadbir dan melaksanakan tanggungjawab dalam sesebuah kawasan tempatan atau daerah kecil
2	Perantara antara Kerajaan Negeri dan rakyat	Memberikan perkhidmatan kepada penduduk setempat
		Menjaga kesihatan awam
		Mengindahkan kawasan
		Menyenggara jalan raya
		Menyenggara sistem saliran
		Menyediakan perkhidmatan pembersihan

KERJASAMA KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN KERAJAAN NEGERI

6. Terangkan/ Jelaskan/ Huraikan bentuk kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

PEMBANGUNAN TANAH

BIL	ISI/FAKTA	HURAIAN/CONTOH
1	Kerjasama sosioekonomi	Tertumpu pada pembukaan tanah baharu dan pembangunan In-Situ
2	Kerajaan Persekutuan menubuhkan FELDA (Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan)	Mengurus bantuan kewangan kepada Kerajaan Negeri
		Menyalurkan bantuan kewangan kepada Kerajaan Negeri
		Melaksanakan rancangan pembangunan tanah baharu
		FELDA membangunkan bandar baharu di kawasan Felda Segitiga Jengka/ Bandar Tun Abdul Razak
		Meliputi tiga daerah iaitu Temerloh/ Maran/ Jerantut
		Pelbagai kemudahan disediakan
3	Penubuhan FELCRA (Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan)	Seperti pejabat pos/ hospital/ bank/ institusi pendidikan
		Ekoran kejayaan FELDA
4	Pembangunan In-Situ	Menyatukan , memulihkan dan membangunkan tanah Kerajaan Negeri yang terbiar di seluruh negara
		Pembangunan fizikal desa
		Penyediaan kemudahan asas
		Rumah rakyat dan pusat pertumbuhan ekonomi desa

PEMBANGUNAN WILAYAH

BIL	ISI/FAKTA	HURAIAN/CONTOH
1	Pembangunan wilayah	Diperluas berdasarkan pembangunan kawasan
2	Kerajaan Persekutuan	Membuka kawasan lebih luas di beberapa buah negeri
		Membangunkan wilayah baharu
		Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA)/ Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA)

PEMBANGUNAN KORIDOR WILAYAH

BIL	ISI/FAKTA	HURAIAN/CONTOH
1	Pembangunan Koridor Wilayah	Berlandaskan projek pembangunan Perancangan strategik jangka panjang Tumpuan kepada pembangunan di negeri dan wilayah kurang pesat
2	Mewujudkan keseimbangan pembangunan	Di negeri dan wilayah

KERJASAMA PEMULIHARAAN KHAZANAH NEGARA

BIL	ISI/FAKTA	HURAIAN/CONTOH
1	Flora dan fauna	Malaysia terkenal dengan kekayaan flora dan fauna
2	Mengekalkan warisan biodiversiti	Keputusan generasi kini dan akan datang
3	Kerjasama kerajaan	Pada setiap peringkat mewujudkan rangkaian kawasan perlindungan Seperti taman negara dan taman laut

PENGURUSAN TAMAN NEGARA

BIL	ISI/FAKTA	HURAIAN/CONTOH
1	Pengurusan hidupan liar dan taman negara	tanggungjawab bersama Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri
2	Akta Perlindungan Hidupan Liar 1972 [Akta 76]	Diwujudkan tahun 1972
3	Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010/ Akta 716	Ganti Akta Perlindungan Hidupan Liar
4	Jabatan Mergastua Negeri	Diletakkan di bawah pentadbiran Kerajaan Persekutuan Dinamakan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar & Taman Negara (PERHILITAN) Semenanjung Malaysia
5	Taman Negara Sarawak	Di bawah pengurusan Perbadanan Perhutanan Sarawak
6	Taman Negara Sabah	Di bawah Jabatan Hidupan Liar Sabah

PENGURUSAN TAMAN LAUT

BIL	ISI/FAKTA	HURAIAN/CONTOH
1	Pewartaan Taman Laut	Terdapat 42 pulau di Kedah, Terengganu, Pahang, Johor, Sabah dan Labuan
2	Kerajaan Persekutuan	Membentuk dasar berkaitan taman laut
3	Kerajaan Negeri	Berkuasa terhadap pembangunan pulau
4	Penyelarasan pentadbiran Taman Laut	Melalui Mesyuarat Majlis Penasihat Kebangsaan Taman Laut dan Rizab Laut
5	Penubuhan Jabatan Taman Laut Malaysia 2007	Bertanggungjawab secara keseluruhan dasar pengurusan taman laut di Malaysia
6	Jabatan Perikanan Malaysia	Pengurusan taman laut dipindahkan ke Jabatan Perikanan Malaysia

7	Kawasan perlindungan marin perairan Sabah	Tanggungjawab Kerajaan Negeri melalui agensinya iaitu Taman-Taman Sabah
---	---	---

KERJASAMA PENYEDIAAN PERUMAHAN RAKYAT

BIL	ISI/FAKTA	HURAIAN/CONTOH
1	Perumahan kos rendah	Kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Terutamanya di kawasan bandar
2	Penubuhan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan	Menggiatkan usaha menyediakan perumahan kos rendah
3	Kerajaan Negeri menyediakan tanah	Tanah dijual pada harga rendah kepada Kerajaan Persekutuan untuk membina rumah
4	Kerjasama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri	Membina rumah untuk rakyat berpendapatan rendah Bagi mengatasi masalah kemiskinan
5	Program Perumahan Rakyat (PPR)	Bagi membina perumahan awam di seluruh negara
6	Penubuhan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)	Membina rumah bagi rakyat berpendapatan rendah
7	Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perak	
8	Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR)	Diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri Melalui peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan

KERJASAMA MENJAMIN KESELAMATAN DAN KEDAULATAN NEGARA

BIL	ISI/FAKTA	HURAIAN/CONTOH
1	Keselamatan dan Pertahanan negara	Di bawah kuasa Kerajaan Persekutuan
2	Kementerian Dalam Negeri (KDN)	Bertanggungjawab ke atas keselamatan dalam negeri dan ketenteraman awam
3	Kementerian Pertahanan (KEMENTAH)	Bertanggungjawab ke atas pertahanan negara
4	Majlis Keselamatan Negara (MKN)	Menyelaraskan KEMENTAH dan Kementerian Dalam Negeri(KDN)
5	Kerjasama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri	Menjamin keselamatan dan kedaulatan negara Kawasan Keselamatan Khas di Sarawak dan Sabah Pemerintahan keselamatan daerah Rajang di Sarawak Kawasan keselamatan khas pantai timur Sabah

PEMERINTAHAN KESELAMATAN DAERAH RAJANG DI SARAWAK

BIL	ISI/FAKTA	HURAIAN/CONTOH
1	Ancaman komunis	Tun Abdul Razak Hussein mengisytiharkan Bahagian Ketiga Sarawak sebagai RASCOM
2	RASCOM/ Pemerintahan Keselamatan Rajang	Dikuatkuasakan pada 26 Mac 1972
3	Ketua Menteri Sarawak	Merupakan Pengarah Operasi Negeri Berperanan menyelaraskan fungsi dan aktiviti pasukan keselamatan dengan pejabat awam
4	Pembubaran RASCOM 1995	Semua operasi keselamatan di Sarawak di bawah MKN

KAWASAN KESELAMATAN KHAS PANTAI TIMUR SABAH

BIL	ISI/FAKTA	HURAIAN/CONTOH
1	Penubuhan ESSCOM/ Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah	Disebabkan oleh pencerobohan pengganas
		Meningkatkan keselamatan Kawasan Timur Sabah daripada sebarang ancaman
		Bertanggungjawab mengawasi keselamatan 10 daerah Pantai Timur Sabah/ Zon Keselamatan Timur Sabah
		Menambah baik aspek keselamatan
		Membuktikan komitmen kerajaan pada setiap peringkat
		Berusaha mengembalikan semula ketenteraman demi kesejahteraan rakyat

FAKTOR YANG MENGUKUHKAN SISTEM PERSEKUTUAN

7. Terangkan/ Jelaskan/ Huraikan faktor-faktor yang mengukuhkan Sistem Persekutuan

KELUHURAN PERLEMBAGAAN MENGUKUHKAN PERSEKUTUAN

BIL	ISI/FAKTA	HURAIAN/CONTOH
1	Perlembagaan Persekutuan	Merupakan undang-undang tertinggi
		Mentakrifkan prinsip Persekutuan dan pentadbiran negara
2	Undang-undang	Digubal oleh Parlimen dan DUN
		Tidak boleh bertentangan dengan peruntukan Perlembagaan
		Parlimen dan DUN tidak boleh menggubal undang-undang yang bercanggah antara satu sama lain
		Undang-undang Negeri tidak selaras dengan sesuatu undang-undang Persekutuan
		Undang-undang Persekutuan mengatasi undang-undang Negeri

PENYELARASAN KERAJAAN PERSEKUTUAN DENGAN KERAJAAN NEGERI

BIL	ISI/FAKTA	HURAIAN/CONTOH
1	Penyelarasan pentadbiran	Dibuat antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri Melalui Mesyuarat Menteri dan Ketua Menteri serta majlis khas
2	Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri	Dipengerusikan oleh Perdana Menteri dan dihadiri oleh Menteri Besar dan Ketua Menteri Membincangkan pelaksanaan sesuatu dasar yang diputuskan oleh kerajaan
3	Majlis yang Termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan	Terdiri daripada Majlis Kewangan Negara Majlis Tanah Negara Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan
4	Majlis Kewangan Negara	Mentadbir hal berkaitan kewangan Seperti cukai dan pinjaman
5	Majlis Tanah Negara	Membentuk dasar dan mengawal penggunaan tanah Untuk pertanian , perlombongan dan perhutanan
6	Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan	Membangunkan Kerajaan Tempatan
7	Majlis yang ditubuhkan oleh kerajaan	Majlis Keselamatan Negara Majlis Air Negara Majlis Perumahan Negara

HIMPUNAN SOALAN KBAT

1. Buktikan kepentingan konsep musyawarah dalam membuat keputusan.

BIL	ISI/FAKTA	HURAIAN/CONTOH
1	Keputusan tepat	Melibatkan banyak pandangan dan pendapat
2	Melicinkan pentadbiran	Mewujudkan kestabilan politik
3	Mengelakkan rasa tidak puas hati	Keputusan yang dibuat hasil perbincangan bersama
4	Mengukuhkan perpaduan kaum	Kerjasama pelbagai kaum terjalin erat

2. Nilai/ Wajarkah kerajaan mewujudkan pentadbiran yang sistematik di negara kita?

BIL	ISI/FAKTA	HURAIAN/CONTOH
1	Ya	
2	Mengekalkan Kedaulatan negara	Negara bebas daripada campur tangan kuasa asing
3	Negara berkembang maju	Ekonomi negara berkembang pesat Meningkatkan pendapatan negara
4	Mewujudkan keamanan dan keharmonian	Tidak berlaku permusuhan dan persengketaan
5	Imej terkenal di persada dunia	Negara dihormati dan dipandang tinggi oleh negara lain

3. Kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri mampu membangunkan negara. Buktikan.

BIL	ISI/FAKTA	HURAIAN/CONTOH
1	Pembinaan infrastruktur	Membangunkan kawasan luar bandar Misalnya jalan raya/ sekolah
2	Mewujudkan bandar-bandar baru	Dilengkapi dengan pelbagai kemudahan Memberi keselesaan kepada rakyat
3	Perkongsi sumber hasil negeri	Ekonomi negara berkembang pesat Rakyat memperoleh kesejahteraan sosial
4	Perkongsi kuasa	Membentuk kerajaan yang stabil Mewujudkan kecekapan dalam pentadbiran

4. Mengapakah perlu wujud hubungan baik antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri?

BIL	ISI/FAKTA	HURAIAN/CONTOH
1	Pentadbiran yang sistematik	Mengelakkan timbul masalah dalam pentadbiran Mengelakkan salah guna kuasa/ penyelewengan Misalnya amalan rasuah Menjamin kestabilan politik dan ekonomi Membantu kemajuan dan pembangunan negeri Jalinan kerjasama akan memantapkan lagi pentadbiran
2	Mewujudkan Kerajaan Pusat yang stabil dan berwibawa	Mengamalkan toleransi dalam melaksanakan pentadbiran
3	Pembangunan negara	Menjamin keadilan dan kesaksamaan rakyat

5. Sistem pentadbiran yang sistematik sangat penting kepada sesebuah negara. Bagaimanakah cara untuk mewujudkan sistem pentadbiran tersebut di negara ini?

BIL	ISI/FAKTA	HURAIAN/CONTOH
1	Pembahagian tugas yang jelas	Antara agensi-agensi kerajaan yang berkaitan
		Pelaksanaan dasar atau usaha pembangunan berjalan lancar
		Contohnya tidak berlaku pertindihan tugas
		Boleh melambatkan kerja pembangunan
2	Tindakan dan keputusan yang adil	Dalam pembangunan sosioekonomi rakyat
		Mengekalkan ekonomi seimbang
		Menolak politik berasaskan perkauman

6. Sistem Persekutuan telah membawa kemakmuran dan kesejahteraan kepada negara dan rakyat. Ulaskan pernyataan ini. / Maafaat pengamalan sistem Persekutuan kepada negara kita.

BIL	ISI/FAKTA	HURAIAN/CONTOH
1	Mewujudkan kestabilan hubungan	Antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan
2	Pembahagian kuasa pemerintahan	Mengelakkan salah guna kuasa dan monopoli
3	Kemajuan dicapai dalam pelbagai bidang	Seperti politik , ekonomi dan sosial
4	Menggembeleng tenaga dan usaha	Bagi membangunkan negeri dan negara
		Demi kebajikan dan kesejahteraan seluruh rakyat

7. Konsep pembahagian kuasa yang diamalkan di negara ini membawa impak kepada rakyat Malaysia. Berikan ulasan anda./ Manfaat pembahagian kuasa

BIL	ISI/FAKTA	HURAIAN/CONTOH
1	Kerajaan stabil dan berwibawa	Pengagihan kuasa antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri
		Mengelak berlaku pertindihan kuasa antara kerajaan
		Rakyat memperoleh manfaat pembangunan
		Contohnya penyediaan hospital dan sekolah
2	Keamanan dan kestabilan politik dapat dicapai	Negara berkembang maju
		Dapat bersaing di peringkat global
		Imej negara meningkat di persada dunia

8. Huraikan langkah-langkah yang boleh anda ambil bagi membantu melicinkan peranan Kerajaan Tempatan di kawasan anda.

BIL	ISI/FAKTA	HURAIAN/CONTOH
1	Bergotong-royong membersihkan kawasan tempat tinggal	Tidak membuang sampah di merata-rata tempat
2	Bekerjasama menjaga kemudahan awam	Seperti jalan raya/ balai raya
3	Mematuhi segala peraturan Pihak Berkuasa Tempatan	Tidak membuat penambahan kediaman tanpa kelulusan
		Membayar cukai pintu

4	Sistem perparitan	Memastikan sentiasa dalam keadaan baik dan tidak tersumbat
---	-------------------	--

9. Kegagalan kerjasama dalam bidang sosioekonomi memberi impak kepada negara. Bincangkan.

BIL	ISI/FAKTA	HURAIAN/CONTOH
1	Pendapatan negara terjejas	Ekonomi tidak berkembang
2	Kadar pengangguran meningkat	Kadar kemiskinan meningkat Taraf hidup rakyat semakin rendah
3	Perpaduan kaum tergugat	Wujud persengketaan dalam masyarakat Merenggangkan hubungan antara kaum Mengancam kedaulatan negara

10. Apakah langkah-langkah yang boleh diambil bagi memastikan setiap rakyat memiliki rumah kediaman?

BIL	ISI/FAKTA	HURAIAN/CONTOH
1	Pinjaman perumahan	Melonggarkan syarat pinjaman perumahan
2	Mengawal harga pasaran rumah	Memperbanyakkan pembinaan rumah mampu milik Seperti rumah kos rendah
3	Mendirikan kawasan perumahan di kawasan terbiar	Rakyat yang berpendapatan rendah juga mampu memiliki rumah

11. Pelibatan semua pihak mampu meningkatkan tahap keselamatan Taman Laut di negara kita. Berikan hujah anda.

BIL	ISI/FAKTA	HURAIAN/CONTOH
1	Menguatkuasakan undang-Undang Taman Laut	Mengenakan hukuman yang berat kepada pihak yang menceroboh Taman Laut Seperti hukuman denda/ penjara
2	Memperkasakan agensi berkaitan Taman Laut	Menjalankan pengurusan Taman Laut dengan berkesan Dapat diwarisi kepada generasi akan datang

12. Bagaimanakah kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri melalui pembangunan tanah dapat membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat di negara ini?

BIL	ISI/FAKTA	HURAIAN/CONTOH
1	Menaik taraf hidup masyarakat di luar bandar	Penduduk luar bandar yang miskin dipindahkan ke FELDA Pembukaan tanah baharu secara besar-besaran untuk pertanian
2	Pembukaan petempatan baharu	Di kawasan FELDA dan FELCRA Memindahkan penduduk miskin luar bandar ke kawasan petempatan baharu Mengusahakan tanaman kelapa sawit dan getah di kawasan tanah baharu
3	Memodenkan industri berasaskan pertanian di kawasan luar bandar	Menambah pendapatan rakyat di luar bandar

13. Bincangkan implikasi sekiranya Kerajaan Tempatan gagal menyediakan perkhidmatan yang cekap kepada masyarakat setempat?

BIL	ISI/FAKTA	HURAIAN/CONTOH
1	Rakyat tidak berpeluang memiliki rumah sendiri	Harga rumah yang tinggi dan pendapatan rakyat yang rendah
2	Perkhidmatan pembersihan tidak terurus	Sampah dibuang di merata-rata tempat
		Mengundang pelbagai jenis penyakit Misalnya penyakit demam denggi
3	Kemudahan awam tidak mencukupi	Misalnya kemudahan sukan dan jalan raya
4	Rakyat tidak dapat menikmati kemudahan yang disediakan	Rakyat hidup dalam keadaan tidak selesa

BAB 5 – PEMBENTUKAN MALAYSIA

LANGKAH PEMBENTUKAN MALAYSIA

1. Huraikan/ terangkan/ jelaskan langkah-langkah pembentukan Malaysia.

BIL	ISI/FAKTA	HURAIAN/CONTOH
1	Lawatan Tunku Abdul Rahman ke Sabah dan Sarawak	Bagi menerangkan rancangan Malaysia
2	Lawatan Pemimpin Sabah dan Sarawak ke Tanah Melayu	Untuk melihat kemajuan di Tanah Melayu
3	Penubuhan JSKM	Mengumpul pandangan tentang gagasan Malaysia
4	Referendum Singapura	Rakyat Singapura setuju bergabung dengan Malaysia
5	Rundingan London	Rundingan antara Kerajaan Tanah Melayu dengan British
6	Penubuhan Suruhanjaya Cobbold	Dua pertiga menyokong pembentukan Malaysia
7	Penubuhan Jawatankuasa Antara Kerajaan(JAK)	Bertujuan menyediakan rangka Perlembagaan
		Membentuk keperluan melindungi kepentingan Sabah dan Sarawak

2. Senaraikan tokoh yang terlibat dalam suruhanjaya Cobbold.

BIL	ISI/FAKTA
1	Lord Cobbold
2	Sir Anthony Abell
3	Sir David Watherston
4	Muhammad Ghazali Shafie
5	Wong Pow Nee

3. Nyatakan laporan Suruhanjaya Cobbold kepada kerajaan British dan Persekutuan Tanah Melayu.

BIL	ISI/FAKTA
1	Dua pertiga penduduk menyokong pembentukan Malaysia
2	Mencadangkan Perlembagaan PTM 1957 dijadikan asas Perlembagaan Persekutuan yang baharu
3	Mencadangkan kuasa autonomi kepada Sabah dan Sarawak
4	Jaminan khas kepada Sabah dan Sarawak yang tidak boleh dibatalkan oleh Kerajaan Persekutuan

4. Senaraikan jawatankuasa kecil di bawah Jawatankuasa Antara Kerajaan(JAK).

BIL	ISI/FAKTA
1	Perlembagaan
2	Kewangan
3	Perkhidmatan Awam
4	Perundangan dan Kehakiman
